

- 1 Berikut adalah tujuan sesuatu perniagaan itu wujud dalam masyarakat.
 - A Mewujudkan peluang pekerjaan
 - B Membantu masyarakat setempat
 - C Menambahkan pendapatan negara
 - D Penawaran barang dan perkhidmatan

- 2 Pernyataan yang manakah menerangkan tentang koperasi?
 - A Kawalan secara autokratik
 - B Menanggung liabiliti tidak terhad
 - C Pulangan syer dalam bentuk elauan
 - D Semua anggota terlibat dalam proses pembuatan keputusan

- 3 Gambar 1 menunjukkan sejenis saiz perniagaan.




Gambar 1

Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan kelebihan saiz perniagaan tersebut?

- I Menerapkan dasar bioraksi
 - II Menikmati ekonomi bidangan
 - III Mewujudkan pengkhususan setiap bahagian
 - IV Menanggung risiko kerugian yang tinggi
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Rajah 1 mewakili sektor perniagaan.



Rajah 1

Apakah industri yang membantu dalam sektor perniagaan X?

- A Industri perkhidmatan
- B Industri perlombongan
- C Industri pembekalan tenaga
- D Industri pembuatan dan perkilangan

- 5 Rajah 2 menunjukkan tentang pertumbuhan ekonomi negara.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)
bagi suku tahun pertama 2017

4.1 % \longrightarrow 5.8%

Rajah 2

Apakah kesan perubahan ekonomi tersebut?

- A Mewujudkan inflasi
- B Penawaran barang menurun
- C Permintaan barang tidak berubah
- D Meningkatkan kuasa beli isi rumah

- 6 Apakah kesan trend menurun kepada ekonomi negara?

- A Permintaan barang pengguna meningkat
- B Perbelanjaan mengurus perniagaan meningkat
- C Peningkatan pembayaran cukai kepada kerajaan
- D Peningkatan kawalan kuantiti pengeluaran produk

- 7 Gambar 2 menunjukkan amalan gaya hidup sihat yang mempengaruhi persekitaran perniagaan



Gambar 2

Apakah faktor luaran yang mempengaruhi persekitaran perniagaan tersebut?

- A Teknologi
 - B Pemasaran
 - C Sosiobudaya
 - D Penyelidikan dan pembangunan
- 8 Antara yang berikut, yang manakah kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan dari aspek undang-undang?
- A Meningkatkan peluang pekerjaan
 - B Menekankan kadar upah minimum
 - C Memastikan tempat kerja yang selesa
 - D Menekankan diskriminasi antara pekerja
- 9 Pernyataan manakah yang tepat menerangkan visi perniagaan?
- A Tujuan penubuhan organisasi
 - B Penilaian organisasi secara spesifik
 - C Matlamat yang ingin dicapai oleh organisasi
 - D Sesuatu yang dibentuk untuk memotivasi pekerja

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Megastar Sendirian Berhad.

Syarikat Megastar Sendirian Berhad mengeluarkan perabot untuk pasaran tempatan. Syarikat mempunyai sebuah kilang dan seramai 30 orang pekerja. Jumlah untung bersih terkumpul untuk 5 tahun yang lepas adalah sebanyak RM5.5 juta. Syarikat juga mengambil keputusan untuk memasuki pasaran antarabangsa dalam jangka masa setahun. Justeru, syarikat menimbang untuk membina sebuah kilang baharu bernilai RM150 juta dan mengambil seramai 250 orang pekerja baharu.

Apakah ciri objektif baik yang gagal dipenuhi oleh Syarikat Megastar Sendirian Berhad?

- A Spesifik (*specific*)
 - B Munasabah (*realistik*)
 - C Boleh dicapai (*attainable*)
 - D Jangka masa (*time frame*)
- 11 Pernyataan manakah merupakan kepentingan objektif kepada perniagaan?
- A Mengenal pasti tujuan penubuhan
 - B Mengenal pasti sasaran yang ingin dicapai
 - C Membantu perniagaan membuat perancangan
 - D Memudahkan perniagaan menilai prestasi perniagaan
- 12 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan aspek penting dalam carta organisasi?
- A Persamaan kuasa
 - B Hierarki pengurusan
 - C Peraturan dalam organisasi
 - D Panduan keselamatan pekerja

13 Antara yang berikut, manakah yang menunjukkan peranan bahagian fungsian pengeluaran?

- I Membuat pesanan pembelian
 - II Mencari pembekal yang sesuai
 - III Memenuhi keperluan dan kehendak
 - IV Menghasilkan barang dan perkhidmatan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

14 Maklumat berikut berkaitan pembangunan produk baharu.

Ujian ke atas prototaip dijalankan untuk mengenal pasti penerimaan pengguna terhadap produk yang dibangunkan.

Apakah peringkat pembangunan produk baharu yang sesuai?

- A Ujian pemasaran
- B Penyaringan idea
- C Analisis perniagaan
- D Pembangunan produk dan pengujian konsep

15 Mengapa pelanggan sangat penting kepada sesebuah organisasi perniagaan?

- A Membekalkan perkhidmatan
- B Meningkatkan ekonomi negara
- C Memberi pendapatan kepada pasaran
- D Membeli produk yang dihasilkan dalam perniagaan

16 Antara yang berikut manakah merupakan kepentingan pengurusan sumber manusia?

- A Penetapan gaji yang tinggi
- B Menjaga kebajikan semua pekerja
- C Pengagihan sumber manusia secara rawak
- D Pengeluaran bertujuan untuk memenuhi keperluan pengguna

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pengurusan.

Pengurusan ini merangkumi aspek menarik sumber manusia, membangun sumber manusia, dan mengekalkan sumber manusia dalam sesebuah organisasi perniagaan.

Apakah pengurusan tersebut?

- A Pengurusan sumber manusia
- B Pengurusan sumber teknologi
- C Pengurusan sumber maklumat
- D Pengurusan sumber kewangan

- 18 Maklumat berikut menunjukkan kemahiran kebolehkerjaan Cik Husni dan Puan Aina.

- Cik Husni - lepas universiti
- Puan Aina - menjadi tukang jahit selama 7 tahun


Apakah kelebihan Puan Aina berbanding Cik Husni jika mereka memohon jawatan sebagai penyelia di sebuah kilang pakaian.

- A Berpengalaman dalam pengurusan
- B Kelayakan yang bersesuaian
- C Boleh berkomunikasi dengan baik
- D Berpengetahuan tentang produk dan perkhidmatan

- 19 Antara berikut, yang manakah merupakan penggajian?

- I Gaji
 - II Elaun
 - III Faedah
 - IV Prestasi
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 20 Gambar 3 berkaitan dengan prosedur mengurus sumber teknologi.



Gambar 3

Apakah tindakan perniagaan untuk melindungi produknya daripada ditiru oleh perniagaan lain?

- A Mendaftar paten
 - B Mendaftar lesen perisian
 - C Mendaftar cap dagangan
 - D Mendaftar hak cipta terpelihara
- 21 Antara berikut, yang manakah merupakan sumber fizikal yang dimiliki oleh syarikat PROTON?
- I Trek ujian
 - II Bilik pameran
 - III Reka bentuk kereta
 - IV Pengalaman pekerja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

22 Antara berikut, yang manakah merupakan jenis-jenis modal dalam perniagaan?

- I Inventori
 - II Kenderaan sendiri
 - III Peralatan pejabat
 - IV Bangunan kilang
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

23 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan perniagaan

Puan Azie memulakan perniagaan kedai makan yang berhampiran dengan kawasan rumahnya dengan menggunakan wang simpanannya sebanyak RM 7,000

Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan sumber pembiayaan tersebut?

- I Memerlukan penjamin
 - II Cepat dan ringkas
 - III Tidak melibatkan kos tambahan
 - IV Tertakluk pada syarat dan terma
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

24 Apakah kelemahan sumber pembiayaan luaran daripada bank atau institusi kewangan?

- A Modal terhad
- B Jumlah pinjaman terhad
- C Memerlukan cagaran dalam bentuk harta
- D Sukar menambah modal dalam masa yang singkat

- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan sebab pihak berkepentingan memerlukan penyata kewangan

- Menilai prestasi perniagaan
- Membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran seperti bonus dan dividen
- Membuat perbandingan prestasi kewangan antara tahun semasa dengan tahun

Siapakah pihak yang berkepentingan berdasarkan pernyataan di atas?

- A Pihak pengurusan
 B Pelabur
 C Pembiaya
 D Pembekal
- 26 Mengapakah analisis Titik Pulang Modal (TPM) sangat penting kepada sesebuah perniagaan?
 A Mbolehkan perniagaan merancang pengeluaran untuk memperoleh keuntungan sasaran
 B Menjamin keberuntungan perniagaan
 C Memerlukan cagaran dalam bentuk harta
 D Memastikan produk yang dijual disukai ramai
- 27 Maklumat berikut diambil dari penyata kewangan Syarikat Wira Digital Sdn Bhd bagi tahun 2019

Butiran	Tahun 2019
Untung kasar	RM5,000
Jualan	RM25,000
Kos jualan	RM20,000
Stok awal	RM6,000
Stok akhir	RM4,500
Modal awal	RM45,000

Berdasarkan penyata kewangan berikut kirakan nisbah Pusing Ganti Stok bagi Syarikat Wira Digital Sdn Bhd bagi tahun 2019?

- A 2.38 kali
 B 3.33 kali
 C 3.81 kali
 D 4.76 kali

- 28 Maklumat yang berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian usahawan.

Perlu berkebolehan untuk menukar cara dan menyesuaikan pendekatan perniagaan dengan situasi dan keadaan tertentu.

Apakah ciri keperibadian usahawan tersebut?

- A Fleksibel
- B Kreatif dan inovatif
- C Berinisiatif dan bertanggungjawab
- D Kebolehan menentukan visi dan misi

- 29 Berikut ialah faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan **kecuali**

- A Modal
- B Pelanggan
- C Kemahiran
- D lokasi yang sesuai

- 30 Antara berikut, yang manakah kelebihan memilih bermiaga sebagai kerjaya?

- I Peluang kerjaya
- II Matlamat peribadi
- III Objektif kemasyarakatan
- IV Keberuntungan perniagaan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

- 31 Antara perniagaan berikut, milikan perniagaan yang manakah tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- A Koperasi Nelayan
- B Restoran Mohd Rafi
- C Sime Darby Berhad
- D Citra Digital Sdn Bhd

- 32 Encik Saiful ingin menubuhkan sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Apakah prosedur penubuhan perniagaan tersebut?
- A Permohonan carian nama syarikat → Melantik setiausaha syarikat → Permohonan pemerbadanan syarikat
 - B Permohonan kelulusan nama perniagaan → Notis pemerbadanan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - C Permohonan carian nama syarikat → Permohonan pemerbadanan syarikat → Notis pemerbadanan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - D Permohonan kelulusan nama perniagaan Mengisi borang A → Menghantar borang bersama dokumen ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- 33 Apakah tanggungjawab peniaga setelah memperoleh sijil perakuan pendaftaran?
- A Menyimpan sijil
 - B Mempamerkan sijil
 - C Memulakan perniagaan
 - D Mencetak kad perniagaan
- 34 Encik Salim ialah pemilik Restoran Nasi Kandar Repoh. Beliau mengeluarkan cek untuk membayar sewa rumah kediamannya.
Apakah dua rekod perniagaan yang terlibat?
- | | I | II |
|---|----------------------|----------------------|
| A | Rekod transaksi bank | Rekod pembelian |
| B | Rekod kos operasi | Rekod pembelian |
| C | Rekod kos operasi | Rekod kos ambilan |
| D | Rekod kos ambilan | Rekod transaksi bank |
- 35 Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?
- A Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan
 - B Dokumen perniagaan yang menunjukkan urus niaga perniagaan yang telah berlaku
 - C Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan yang akan dijalankan
 - D Dokumen bertulis yang menjelaskan secara terperinci tentang visi, misi dan objektif perniagaan.

36 Soalan berdasarkan dokumen berikut :

Dokumen perniagaan berikut diterima oleh Kedai Pakaian Annur setelah menerima barang-barang yang telah dipesannya.

No: 7575																														
INVOIS																														
<p>Pemborong Pakaian Ceria Sdn Bhd. 12, Jalan Murai 51200 Kuala Lumpur. Tel: 03-40454077. Fax 03-40454177</p>																														
Tarikh: 15/07/2020 Kepada,																														
<p>Kedai Pakaian Annur, 3 Lorong Putih, 16150 Kota Bharu, Kelantan.</p>																														
<table border="1"> <thead> <tr> <th>No. Rujukan</th> <th>Butiran</th> <th>Kuantiti</th> <th>Harga Seunit (RM)</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>W 053</td> <td>Pakaian kanak-kanak</td> <td>100 pasang</td> <td>RM15.00</td> <td>RM1,500.00</td> </tr> <tr> <td>W 075</td> <td>Baju kurung wanita</td> <td>100 pasang</td> <td>RM60.00</td> <td>RM6,000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4">HARGA KASAR</td> <td>RM7,500.00 X 20% =RM1,500.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4">Tolak 20% Diskaun Niaga</td> <td>RM6,000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4">HARGA BERSIH</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	No. Rujukan	Butiran	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	W 053	Pakaian kanak-kanak	100 pasang	RM15.00	RM1,500.00	W 075	Baju kurung wanita	100 pasang	RM60.00	RM6,000.00	HARGA KASAR				RM7,500.00 X 20% =RM1,500.00	Tolak 20% Diskaun Niaga				RM6,000.00	HARGA BERSIH				
No. Rujukan	Butiran	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)																										
W 053	Pakaian kanak-kanak	100 pasang	RM15.00	RM1,500.00																										
W 075	Baju kurung wanita	100 pasang	RM60.00	RM6,000.00																										
HARGA KASAR				RM7,500.00 X 20% =RM1,500.00																										
Tolak 20% Diskaun Niaga				RM6,000.00																										
HARGA BERSIH																														
Syarat Serahan: 10% 15 hari. 5% 30 hari. K & K di K																														
Suriani. Pengurus																														

Pilih pernyataan yang benar tentang dokumen di atas.

- A Dokumen yang mengandungi senarai pembelian secara tunai
- B Dokumen yang mengandungi senarai pembelian secara kredit
- C Dokumen yang mengesahkan bahawa jumlah bayaran telah diterima
- D Dokumen yang dikeluarkan oleh pihak bank kepada pemegang akaun semasa

- 37 Berikut adalah sebahagian maklumat yang terkandung dalam rancangan kewangan sebuah perniagaan.

Rumah Makan Makcik Kiah
Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2019

	Okt (RM)	Nov (RM)	Dis (RM)
Baki b/b	14,000	36,016	40,408
Penerimaan			
Modal	-	-	-
Pinjaman	2,5000	-	-
Jualan	1,0000	11,800	12,000
Jumlah penerimaan	3,5000	11,800	x
Pembayaran			
Pendawaian kedai	6,800	-	-
Beli mesin	-	-	19,200
Gaji, KWSP, PERKESO	3,784	3,784	3,784
Bayaran balik pinjaman	-	600	600
Bil utiliti	400	400	400
Belian bahan mentah	2,000	2,624	2,720
Jumlah Pembayaran	12,984	7,408	26,704
Lebihan / (kurangan)	22,016	4,392	(14,704)
Baki h/b	36,016	40,408	Y

Berapakah nilai Y ?

- A RM25,704
- B RM12,000
- C RM26,704
- D RM40,408

- 38 Gambar 4 berkaitan tentang campuran pemasaran.



Gambar 4

Apakah campuran pemasaran yang berkaitan?

- A Publisiti
 - B Pengiklanan
 - C Promosi jualan
 - D Jualan langsung
- 39 Gambar 5 merupakan agensi kerajaan yang terlibat dalam memberi bantuan pembiayaan.



Gambar 5

Apakah skim bantuan yang disediakan oleh agensi tersebut?

- A Skim Pembiayaan Mudah Jaya
 - B Skim Pembiayaan Kontrak-I
 - C Skim Pembiayaan Ekonomi Desa
 - D Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres
- 40 Bagaimanakah rancangan perniagaan yang baik dapat meyakinkan pihak bank?
- I Kemampuan membayar hutang
 - II Jumlah pinjaman yang dimohon
 - III Jumlah deposit dalam akaun bank
 - IV Kadar keuntungan yang diperolehi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV